

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR [ SILAM ]**

**TARIKH : 23.05.2016 (ISNIN)**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah keberkesanan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011- 2020 dalam menggiatkan penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Dalam usaha menjadikan sektor koperasi berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pendapatan RM50 bilion menjelang 2020, Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menggubal Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 yang memberi penekanan kepada penglibatan koperasi dalam pelbagai *Entry Point Project* (EPP) mengikut enam (6) sektor ekonomi utama iaitu:

- i. Perkhidmatan Kewangan;
- ii. Pemborongan dan Peruncitan;
- iii. Pertanian dan Industri Asas tani;
- iv. Perladangan;
- v. Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan; dan
- vi. Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan.

Di dalam usaha merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi, pelbagai usaha diambil melalui pakatan strategik dengan Kementerian dan Agensi seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan jaringan perniagaan dengan pihak ketiga dalam dan luar negara. Selain itu, koperasi digalakkan menceburi bidang perniagaan bernilai tinggi dan mampu bersaing di pasaran terbuka.

Pelbagai aktiviti perniagaan bernilai tinggi yang diceburi oleh koperasi dalam sektor perkhidmatan kewangan seperti Ar-Rahnu dan perbankan yang dapat membantu melonjakkan perolehan koperasi. Selain itu, koperasi turut terlibat dalam mengusahakan pelbagai rangkaian kedai koperasi seperti imCoop, mywinkel, kedai Coop1M dan pasaraya YaPEIM Smart yang menawarkan harga patut kepada pelanggan.

Dalam meningkatkan perolehan gerakan koperasi dalam sektor pertanian dan industri asas tani, koperasi turut terlibat dalam pengeluaran produk burung walit yang patuh kepada persijilan HACCP, GMP dan HALAL serta bersedia untuk pasaran domestik dan eksport.

DKN 2011-2020 telah dikaji semula dengan memberi fokus kepada strategi-strategi berimpak tinggi, *quick wins* dan *quick harvest* berasaskan enam (6) sektor ekonomi utama yang mana mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pewujudan peneraju sektor mengikut enam (6) sektor ekonomi utama yang digariskan dalam DKN 2011-2020 dan penghasilan *blue print* mengikut sektor masing-masing boleh meningkatkan *economies of scale* yang akhirnya dapat memberi lonjakan besar kepada kemajuan gerakan koperasi. Sehingga 31 Disember 2015, sektor koperasi telah berjaya mencapai perolehan sebanyak RM33.56 bilion dan akan terus melaksanakan program untuk mencapai sasaran perolehan sebanyak RM50 bilion menjelang tahun 2020.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASAN BIN ARIFIN**

**TARIKH : 23.5.2016**

**SOALAN : 87**

**Y.B. Dato' Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bidang yang kurang mendapat permintaan industri yang ditawarkan di institut pengajian tinggi dan apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan para graduan kompetitif untuk bersaing dalam memenuhi kehendak pasaran.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk memastikan para graduan di universiti awam kompetitif untuk bersaing dalam memenuhi kehendak pasaran. Bagi penawaran kursus baharu, Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) juga ditubuhkan di bawah keputusan Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) 1996 untuk menilai dan memperakukan kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi berkaitan apa-apa cadangan bagi penawaran dan semakan semula program akademik atau pindaan kepada kurikulum. Peratusan kebolehpasaran graduan (graduate employability - GE) bagi fakulti yang ingin menawarkan program baharu dan peratus GE keseluruhan bagi UA yang memohon juga menjadi satu kriteria yang diambil kira.

KPT juga telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability*, GE). Program GE bertujuan meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional dalam bidang masing-masing, keterampilan diri dan sahsiah bagi membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Ia juga dibantu oleh Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M ) dan juga Talent Corp.

Untuk pelajar yang sedang belajar, beberapa program dilaksanakan seperti usahawan siswa di mana mahasiswa digalakkan untuk berniaga di dalam dan luar kampus. Ruang-ruang niaga disediakan di dalam kampus dan beberapa program dengan kerjasama PUNB, TERAJU, MTDC dan lain-lain.

Program iCGPA juga membantu pelajar-pelajar di mana program ini bukan hanya mentaksir pelajar berdasarkan akademik semata-mata. Malah, pelajar juga ditaksir dari segi keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan juga kemahiran berkomunikasi. iCGPA bukan hanya dinilai selepas mereka bergraduat, tetapi juga dinilai semasa sedang belajar.

Melalui program CEO@Fakulti, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan syarahan oleh tokoh korporat seperti Tan Sri Azman Mokhtar, Tony Fernandes, Abraham Liew dan sebagainya. Selain daripada mendengar syarahan, pelajar juga dapat berinteraksi dengan CEO dan program ini juga akan membantu menambahbaik kurikulum dan meningkatkan kolaborasi antara akademia dan pihak industri.

Selain itu, pelaksanaan Program 2U2I iaitu program 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri akan dilaksanakan di UMK dalam bidang keusahawanan dan UPM dalam bidang pengurusan ladang bermula pada bulan September

2016. KPT juga telah melancarkan Program Pusat Kecemerlangan Industri-*Industry Centre of Excellence* (ICoE) yang merupakan program bagi menyokong pelaksanaan *Graduate Employability Blueprint*. Aspirasi bagi Program ICoE ini adalah untuk mengukuhkan kerjasama antara universiti dan industri, meningkatkan kebolehpasaran graduan dan program perkongsian teknologi.